



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI RABU, 15HB., SYA'ABAN 1444 / 08HB., MAC 2023
(HARI KELIMA)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. JABATAN PERDANA MENTERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan kenyataan-kenyataan bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan pada persidangan hari keempat.
- 2.1.3. Tajuk SA01A - SA07A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
- 2.1.4. Jawatankuasa telah membuka untuk membahaskan Tajuk dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA08A hingga Tajuk SA16A, dan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pendapat dan persoalan yang kemudian direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub
 - Mengajukan pertanyaan berkenaan *portal PSC 2.0* yang kadang kalanya tidak berfungsi yang membebaskan para pengguna, adakah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempunyai

alternatif jika berlakunya kerosakan sistem yang berpanjangan, dan menyoalkan sekiranya ada dibuat kaji selidik dalam mengetahui keberkesanan sistem bagi menambahbaik portal *PSC 2.0*.

ii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan

- Menyentuh jika terdapat usaha dalam membuat aplikasi *mobile apps* bagi Pelita Brunei daripada menggunakan *mobile website* sebagai langkah menuju ke *Smart Nation*.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Mengajukan persoalan sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempunyai rancangan untuk memastikan organisasi kerajaan membuat Penilaian Keberkesanan Struktur Organisasi ataupun "*Structure Organisational Review Effectiveness*" untuk melihat sama ada rutin kerja masih relevan atau sebaliknya;
- Memohonkan pencerahan akan strategi atau pelan yang lebih agresif dalam pengisian kekosongan jawatan dengan mengambil kira jumlah kekosongan jawatan yang tidak diisikan;
- Mencadangkan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengenal pasti pegawai-pegawai dan kakitangan yang akan bersara dalam tempoh 5 tahun akan datang dan untuk membuat *succession planning*.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Berpendapat untuk pihak Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti kelemahan atau masalah dengan cepat agar ini tidak memberi kesan atau impak yang besar kepada kerajaan, dan mencadangkan bagi pengemaskinian dasar-dasar perkhidmatan awam yang boleh mendukung usaha bagi mencapai Wawasan Brunei 2035;

- Ingin mengetahui mengapa proses pengambilan pekerja yang mengambil jangka masa yang agak lama bagi pengisian jawatan dan adakah pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan membuat rancangan alternatif untuk menggantikan orang-orang yang memangku jawatan tersebut dengan para pemohon. Ini kerana, ianya memberi kesan dan mengurangkan motivasi kepada para pemohon jawatan tersebut.
- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Mencadangkan untuk diteliti semula dan dipertimbangkan untuk mengurangkan tempoh penetapan jawatan di peringkat eksekutif yang mana jika tidak, ianya akan menjejaskan succession planning jabatan/kementerian, kurang pengalaman bagi pegawai bawahan, *brain drain*, dan kesan psikologi;
 - Menyeru agar mengatur strategi yang lebih efisien dan efektif iaitu bagi tatacara memproses, menilai dan mempercepatkan skim-skim perkhidmatan mengikut keutamaan dan keperluan negara termasuk skim-skim perkhidmatan profesional;
 - Menasihatkan untuk mengadakan permuzakaran dan juga meminta bantuan dari pakar profesional untuk mendapat maklumat yang dikehendaki supaya lebih *transparent* dalam meneliti skim-skim perkhidmatan profesional.
- vi. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
- Mencadangkan untuk dibuat penyelarasan tangga gaji dengan kelulusan akademik;
 - Mencadangkan agar diteliti semula bidang tugas yang akan ditawarkan kepada calon simpanan bagi jawatan yang berlainan.

- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim
- Mencadangkan agar program seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) untuk dilaratkan kepada graduan yang baharu dilantik ke dalam perkhidmatan awam, dengan objektif untuk menanamkan sifat jadi diri, sifat berpasukan, *leadership*.

2.1.5. Tajuk SA08A - SA14A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.1.6. Jawatankuasa seterusnya menimbangkan Tajuk SA18A hingga Tajuk SA26A dan beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyampaikan pendapat dan persoalan yang kemudian direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:

i. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir

- Memohon pencerahan mengenai fungsi dan peranan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) bagi memberikan perkhidmatan yang menjurus kepada inisiatif dan sasaran belanjawan menuju *Smart Vision*. Dan apakah perancangan bagi menyediakan latihan-latihan relevan kepada keperluan digital bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman

- Menyoalkan usaha pengawalan dalam memastikan hak-hak pengguna sentiasa dilindungi daripada tawarik-tawarik pinjaman yang menarik khususnya dengan cagaran tanah atau harta benda persendirian.

iii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Memohon pencerahan sekiranya Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah membuat *doability* projek-projek yang dirancang dan adakah projek

yang tersebut dapat menambah *work efficiency* di Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
 - Memohonkan data analisi mengenai trend kemuflian mengikut kategori sama ada korporat khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau individu persendirian, yang boleh dijadikan sukat-sukat untuk menilai sebab-sebab kegagalan dan menilai kedudukan ekonomi negara disamping menjadi pengajaran kepada pengusaha-pengusaha lain;
 - Menyoalkan kaedah untuk membantu mereka yang muflis untuk membangunkan semula perniagaan untuk membolehkan mereka menyara kehidupan di masa akan datang.
- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim
 - Meminta pencerahan sebab kutipan hasil elektrik yang mendatar dalam 3 tahun ke hadapan yang sepatutnya semakin bertambah dengan mengambil kira perkembangan kemajuan.

2.1.7. Tajuk SA18A - SA26A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 2.2.1.** Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan mukadimah mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.2.2.** Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan sensitif, dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.

- 2.2.3.** Tajuk SB01A - SB04A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

2.3. KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

- 2.3.1.** Jawatankuasa seterusnya telah menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.
- 2.3.2.** Pembentangan anggaran perbelanjaan dan halatuju Kementerian Kewangan dan Ekonomi disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.
- 2.3.3.** Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:
- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
 - Menyoalkan sekiranya pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi mempunyai rancangan untuk mengembang luaskan pelaburan kerajaan dengan membeli hotel-hotel di kota Mekah dan Madinah, yang akan memberikan kemudahan dan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat disamping mewujudkan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.
 - ii. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin
 - Membangkitkan isu-isu kenaikan harga barang dan memohon agar pihak kerajaan mempertimbangkan pembayaran dua kali kepada penerima pencen-pencen perkhidmatan.
 - iii. Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin
 - Memohon pencerahan mengenai status perkembangan skim sewa beli rumah atau *rent to*

own yang telah diusulkan di dalam Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ke-18.

- Memohon pencerahan mengenai kenaikan perbelanjaan operasi.

iv. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

- Menyoalkan mengenai syarat-syarat untuk menjadi *shareholder* pengarah sesebuah syarikat dan menyeru pihak *Registry of Companies and Business Names* (ROCBN) untuk melaksanakan perkara menurut undang-undang Akta *Company*.
- Menyoalkan apakah tindakan insurans dan takaful untuk tidak menghadkan tuntutan pampasan di bawah *common law* jika terjadi kemalangan kepada pekerja-pekerja seseorang majikan.

v. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Mencadangkan untuk memberigakan komponen utama dalam terma dan syarat *FDI* kepada rakyat supaya tidak salah andaian, dan juga memberi kefahaman kepada rakyat mengapa bajet negara masih dalam defisit walaupun *revenue* lumayan.
- Mencadangkan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang stock exchange dan risiko-risiko dalam pelaburan sebagai *financial awareness*.
- Menyoalkan bagaimana negara mengambil faedah daripada *Free Trade Agreement* (FTA) dan mencadangkan agar PMKS dapat mengambil manfaat daripadanya; dan jikalau terdapat sebuah *indicator* yang menunjukkan kejayaan diperolehi PMKS dari perjanjian perdagangan tersebut;
- Ingin mengetahui jika ada inisiatif yang menggunakan gabungan kepakaran *Darussalam Assests* (DA) untuk menarik *Foreign Direct Investors* (FDI) yang tidak mempunyai akses kepada terma dan syarat FTA Brunei untuk melabur dan menggunakan Brunei

sebagai *joint venture*, dengan secara tidak langsung akan memasuki pasaran baru dan membuat PMKS ini sebagai pembekal;

- Memberikan cadangan untuk GLCs membuka infrastruktur *production facility* di setiap daerah dalam usaha untuk memberikan pekerjaan anak-anak tempatan;
- Mencadangkan bagi Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik mengumpulkan maklumat mengenai tempat-tempat untuk mendapatkan barangan asasi *food-basket* dengan perbandingan harga yang boleh dijadikan panduan pengguna;
- Menyoalkan mengenai faedah dari kedudukan *global ranking* dalam *ease of doing business* dan apakah usaha untuk meningkatkan kedudukan negara dalam indeks tersebut;
- Menyoalkan sekiranya ada perancangan bagi memastikan orang yang mempunyai kemewahan untuk menyumbang kepada mereka yang kurang bernasib baik.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Menyentuh mengenai isu kepelbagaian ekonomi dan berpendapat bahawa adalah perlu bagi kita untuk lebih spesifik tentang industri apa yang akan kita fokuskan dan bagaimana untuk menyokongnya.
- Menyoalkan sama ada industri pelancongan masih merupakan salah satu industri kepelbagaian yang dirasakan mempunyai potensi sebagai sumber pendapatan negara dan sejauh mana industri ini diberikan sokongan-sokongan konkrit.
- Menyentuh mengenai industri pembinaan serta masalah-masalah yang sering dihadapi seperti lambat pembayaran, kekurangan buruh dan sebagainya.

- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
- Memohon pencerahan berapakah jumlah tunggakkan kutipan hasil kerajaan pada masa ini, dan apakah tatacara yang boleh digunapakai untuk mengutip tunggakkan tersebut;
 - Pencerahan terhadap tatacara memilih dan mempertimbangkan tawaran melalui *tender-board* atau mini *tender-board*;
 - Memohonkan penjelasan sama ada mempunyai peluang untuk memasarkan produk-produk atau perkhidmatan dari penyertaan dalam ekspo-ekspo perdagangan di serantau dan antarabangsa.
- viii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim
- Memberi saranan untuk menyelesaikan dahulu undang-undang dan peraturan bagi penubuhan Bursa Saham Negara Brunei Darussalam sebelum ianya dilancarkan.
 - Membangkitkan mengenai kutipan hasil dari sektor bukan minyak dan gas yang masih saja mendatar sedangkan aktiviti-aktiviti sektor bukan minyak dan gas semakin bertambah pada setiap tahun.
 - Ingin mengetahui jika ada program-program yang baharu yang akan dilaksanakan bagi pengurusan kutipan hasil dan berapakah tambahan hasil yang diunjurkan yang akan dapat dikutip oleh Jabatan Perbendaharaan dan agensi kerajaan lain.
 - Ingin pencerahan sekiranya dapat dikongsikan akan peruntukan macroekonomi yang mungkin dapat disambut baik oleh perusahaan-perusahaan PMKS dan bagi mereka merancang penglibatan secara proaktif;
 - Ingin mengetahui strategi negara bagi mengurangkan kebergantungan barangan kepada import makanan dari luar negara dalam jangka waktu pendek, sederhana dan panjang;

- Mencadangkan untuk pihak kementerian untuk meneroka program komersial besar-besaran bagi industri keperluan asas securiti makanan melalui usahasama GLCs, FDIIs dan juga pengusaha-pengusaha tempatan.

2.3.4. Tajuk SD01A - SD09A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI KHAMIS, 09 MAC 2023 JAM 9.30 PAGI]
